

09/08/2001

Kuota ke IPTA kekal (HL)

is

KUALA LUMPUR, Rabu - Dasar meritokrasi bagi kemasukan pelajar Bumiputera ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) akan dilaksanakan secara berperingkat tanpa menjejaskan sistem kuota yang ada sekarang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata ia akan dibuat mengikut jurusan dan keperluan seawal-awalnya tahun depan, supaya pelajar dapat memberi tumpuan kepada pelajaran dan mencapai kelulusan cemerlang.

"Kalau kita laksanakan sekali gus mengikut meritokrasi, maka ini akan membawa keputusan yang amat teruk kepada pelajar Melayu sehingga mungkin tidak ada pelajar Melayu dalam bidang tertentu.

"Oleh itu, kita akan kenakan sekatan merit secara berperingkat. Pada mulanya sedikit saja mengikut jurusan. Kemudian kalau prestasi mereka meningkat, kita akan naik setingkat lagi (gred kemasukan) supaya akhirnya kelulusan mereka boleh jadi sama tinggi dengan kaum lain," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada sidang akhbar selepas memberi taklimat khas secara tertutup selama kira-kira dua jam kepada pemimpin Umno peringkat bahagian mengenai cadangan dasar meritokrasi di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini petang ini.

Presiden Umno berkata, walaupun sistem kuota dikekalkan, mereka perlu mencapai tahap kelulusan lebih tinggi untuk layak.

Beliau memberi contoh, jika syarat kemasukan dalam jurusan perubatan pada masa ini adalah 7A bagi pelajar Melayu, syarat itu akan dinaikkan kepada 8A dan mereka yang tidak mencapai kelulusan itu tidak dapat masuk ke universiti.

"Jika ia tidak dapat dipenuhi, tidak mengapa asalkan penuntut yang diterima masuk itu adalah berkualiti tinggi," katanya.

Ditanya sama ada sistem kuota berdasarkan kemasukan 55 peratus bagi pelajar Bumiputera dan 45 peratus bagi bukan Bumiputera ke IPTA, beliau berkata:

"Ya, kita nak capai kuota itu tetapi kita tak nak capai kuota itu sehingga yang tak guna pun dapat masuk, tak guna. (Maknanya)... kelayakan lebih tinggi, tetapi kalau kita tidak dapat memenuhi kuota, itu tidak mengapa asalkan penuntut yang masuk adalah kualiti yang lebih baik," katanya.

Dr Mahathir juga mengulangi peringatannya bahawa pelajar universiti yang terbabit dengan kegiatan lain sehingga menjejaskan prestasi pelajaran mereka, akan diberhentikan.

Katanya, antara punca pencapaian buruk pelajar Melayu ialah ada guru yang ditugaskan untuk memberi didikan akhlak seperti guru agama, tidak mengajar agama sebaliknya mengajar politik untuk membenci dan maki hamun.

"Keadaan itu menyebabkan pelajar tidak faham tentang agama dan mudah terpengaruh dengan ajaran karut seperti menyembah syaitan dan kegiatan negatif yang lain.

"Kerajaan sedang mengkaji tindakan yang sesuai terhadap guru agama terbabit," katanya.

Berikut adalah petikan soal jawab di antara wartawan dan Dr Mahathir dalam sidang akhbar itu.

Wartawan: Adakah dasar ini bermakna berlaku kompromi kepada sistem kuota?

Dr Mahathir: Ya, sudah tentu. Kalau anda nak hendak semua....anda mahukan kek dan makannya sekaligus, tidak mungkin. Kita sudah cuba.

Wartawan: Bagaimana dengan kenaikan gred masuk universiti (berdasarkan

prinsip merit), sama ada bermula di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Tinggi Pelajaran Malaysian (STPM)?

Mahathir: Daripada awal lagi, tetapi kalau nak masuk universiti, dia kenal SPM atau STPM. Jadi dia kena sekarang ini, balik belajar. Kalau main, sorry, tahun depan tak dapat masuk.

Wartawan: Adakah kemasukan ke universiti ini, akan terus menggunakan sistem matrikulasi jika sistem meritokrasi dilaksanakan?

Dr Mahathir: Ya, itupun satu cara nak masukkan mereka... tapi kalau pergi kelas matrikulasi, kalau dia tak belajar, dia tak boleh lulus juga. Kita bagi macam-macam saluran supaya dia masuk, bukan kita nak tutup saluran, kita nak prestasi mereka meningkat.

(END)